

27/11/1998

Philip Morris guna khidmat Distripark

Abdul Halim Yusoff

WESTPORT Distripark (M) Sdn Bhd (Distripark), anak syarikat Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) akan menjana RM30 juta dalam tempoh enam tahun berikutan perjanjian yang ditandatangani dengan Philip Morris (M) Sdn Bhd (Philip Morris) bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan pergudangan.

Di bawah perjanjian enam tahun yang mana Distripark menjana RM5 juta setahun itu, Philip Morris akan mendapat ruang penyimpanan seluas 170,000 kaki persegi, semuanya dalam kawasan zon perdagangan bebas.

Philip Morris, pengeluar dan pengedar barangan pengguna berbungkus terbesar dunia termasuk rokok Marlboro itu akan menggunakan ruang pergudangan di Distripark sebagai pusat penyimpanan dan pengedaran serantau tembakaunya.

Philip Morris adalah antara penyewa terbesar di Distripark. Berada dalam kawasan perdagangan bebas membolehkan Philip Morris menikmati prosedur dokumentasi yang ringkas dan mudah.

Syarikat itu juga menikmati halangan kecil bagi pindah angkut dan eksport-semula selain penjimatan bagi tembakau eksport semula berikutan pengecualian cukai bagi barangan yang disimpan dalam gudang di kawasan perdagangan bebas.

Distripark dimiliki 80 peratus oleh Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) dan bakinya dipegang Kelang Multi Terminal, pengendali Pelabuhan Barat.

Pengerusi Eksekutif KPB, Mirzan Mahathir, berkata Distripark akan menjadi pusat penyediaan prasarana logistik kepada Pelabuhan Barat selaras wawasannya sebagai pusat logistik bersepadu serantau.

Mirzan berkata, perjanjian itu dengan jelas menyatakan keyakinan kepada Distripark untuk menyediakan perkhidmatan pergudangan dan sokongan.

"Meskipun dalam kegawatan ekonomi, perdagangan antarabangsa terus tumbuh di Malaysia dan seluruh rantau ini pada kadar lebih pantas.

"Berdasarkan keyakinan itu, Distripark akan meneruskan rancangan membangunkan fasa dua tahun depan diikuti fasa tiga.

"Pembangunan itu akan membolehkan Distripark memberi khidmat kepada industri yang memerlukan kemudahan logistik khusus seperti kargo berbahaya dan membaik pulih kenderaan," katanya selepas menandatangani perjanjian itu di Shah Alam, semalam. Mirzan mewakili Distripark manakala Philip Morris diwakili Naib Presiden Philip Morris Asia Inc, Antonio Marques. Hadir sama Pengurus Besar Distripark, Kamarudin Awang.

Sehubungan itu, Mirzan berkata, penubuhan Syarikat Kapal Perantara Nasional seperti yang dicadangkan kerajaan akan lebih cepat merealisasikan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan utama di rantau ini berikutan jumlah kargo lebih banyak sekali gus menarik kapal induk berlabuh di sini.

"Dalam hal ini syarikat perkapalan tempatan perlu mengukuhkan lagi laluan sedia ada selain mencipta laluan baru dengan pelabuhan di beberapa negara serantau seperti di kawasan Pantai Timur India dan Bangladesh.

"Memanglah di peringkat awalan jumlah angkutan menjadi masalah, tetapi perkhidmatan perlu pada masa depan. Ia adalah usaha berterusan bagi memastikan matlamat itu tercapai," katanya.

Sementara itu, Kamarudin berkata, Westport Distripark mempunyai keupayaan ruang pergudangan 670,000 kaki persegi dan dilengkapi kemudahan teknologi maklumat (IT) terkini.

Philip Morris mengeluarkan beratus-ratus produk global dan tempatan seperti mentega Kraft, minuman Tang, kopi Maxwell House, rokok Marlboro, Parliament dan Virginia Slims, gula-gula Toblerone dan Sugus serta bir

Miller.

(END)